

Pendidikan Keibubapaan Muslim Era Digital: Reorientasi Model Atribut Al-Ghazali dalam Mendepani Cabaran Media Baharu

(Muslim Parenting Education in the Digital Era: Reorienting Al-Ghazali's Attribute Model in Facing New Media Challenges)

Nor Hamizah bt Ab Razak^{1*}, Norhafisah Abd Rahman²

¹Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

Email: norhamizah@usim.edu.my

²Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

Email: norhafisah@usim.edu.my

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Nor Hamizah bt Ab Razak
(norhamizah@usim.edu.my)

KATA KUNCI:

Pendidikan keibubapaan
Muslim
Nilai Islam
Atribut Al-Ghazali
Media baharu
Literasi digital
Tazkiyatun nafs

KEYWORDS:

Muslim parenting education
Islamic values
Al-Ghazali attributes
New media
Digital literacy
Tazkiyatun nafs

CITATION:

Nor Hamizah, A. Z. & Norhafisah, A. R.
(2026). Pendidikan Keibubapaan Muslim
Era Digital: Reorientasi Model Atribut Al-
Ghazali dalam Mendepani Cabaran Media
Baharu. *Malaysian Journal of Social Sciences
and Humanities (MJSSH)*, 11(9), e004180.
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v11i9.4180>

ABSTRAK

Pengasuhan anak-anak di era media baharu memerlukan penyesuaian pendekatan keibubapaan secara tuntas berikutan pendedahan gajet dan internet yang sukar dipisahkan daripada kehidupan harian. Walaupun pendedahan teknologi secara interaktif mampu merangsang kognitif kanak-kanak, ia turut membawa implikasi negatif terhadap perkembangan psikologi, emosi, dan sahsiah jika tidak disaring. Dalam konteks masyarakat Muslim di Malaysia, wujud keperluan terhadap model keibubapaan berteraskan nilai Islam yang komprehensif bagi membimbing anak-anak mengendali faedah serta risiko teknologi digital. Kajian kualitatif menerusi kaedah analisis kandungan ini meneliti 18 artikel akademik pilihan dari pangkalan data Scopus dan Google Scholar (2019–2025). Hasil kajian mengesahkan bahawa pengintegrasian tiga domain utama Atribut Keibubapaan Al-Ghazali—iaitu hubungan dengan Allah, hubungan dengan anak-anak, dan hubungan dengan masyarakat merupakan kerangka spiritual serta praktikal yang kritikal dalam membina ketahanan sendiri anak-anak era digital. Kajian ini memberikan implikasi penting kepada ibu bapa Muslim, kaunselor, dan pendidik dalam memformulasi strategi asuhan berasaskan nilai tauhid dan integriti moral.

ABSTRACT

Parenting in the new media era requires a thorough adjustment of parenting approaches due to gadget and internet exposure that is difficult to separate from daily life. Although interactive technology exposure can stimulate children's cognitive development, it also carries negative implications for their psychological, emotional, and character development if left unfiltered. In the context of the

Muslim community in Malaysia, there is a need for a comprehensive parenting model rooted in Islamic values to guide children in navigating the benefits and risks of digital technology. This qualitative study, utilizing a content analysis method, examined 18 selected academic articles from Scopus and Google Scholar databases (2019–2025). The findings confirm that integrating the three main domains of Al-Ghazali's Parenting Attributes—namely the relationship with Allah, the relationship with children, and the relationship with society forms a critical spiritual and practical framework in building digital-era children's self-resilience. This study holds significant implications for Muslim parents, counselors, and educators in formulating child-rearing strategies based on monotheistic values (*tauhid*) and moral integrity.

1. Pengenalan

Dinamika era globalisasi yang bertunjangkan kemajuan pesat teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) telah merintis transformasi mendalam terhadap corak kehidupan masyarakat moden (Robiah & Norsakinah, 2007). Ketibaan era media baharu yang ditandai dengan penggunaan meluas peranti pintar seperti tablet, telefon bimbit, aplikasi media sosial, dan platform perkhidmatan strim telah mengubah secara drastik cara manusia berinteraksi, mengakses maklumat, dan mempelajari persekitaran mereka (Kabakçı Yurdakul et al., 2013; Reich et al., 2012). Pendedahan kepada teknologi ini kini tidak lagi terhad kepada golongan dewasa, malah telah merentasi sempadan umur hingga menelusuri alam kanak-kanak dan remaja yang dikenali sebagai generasi *digital native* (Reich et al., 2012). Dalam ekosistem pendidikan dan pembangunan sendiri, pendedahan awal kepada media digital secara interaktif berupaya merangsang keupayaan kognitif, menggalakkan pemikiran kreatif, serta memupuk amalan pembelajaran sepanjang hayat (Robiah & Norsakinah, 2007).

Walau bagaimanapun, realiti kehidupan maya yang bebas dan tanpa jujukan sempadan turut membawa implikasi signifikan terhadap aspek perkembangan psikologi, emosi, fizikal, dan pembentukan sahsiah generasi muda (Reich et al., 2012; Sukisno et al., 2024). Kanak-kanak yang belum matang dari sudut penaakulan kognitif sering kali memproses kandungan media secara aktif tanpa keupayaan menapis maklumat secara kritikal. Senario ini menuntut peranan mutlak ibu bapa sebagai benteng utama dalam menyediakan bimbingan, kawalan, dan pengawasan yang berkesan (Sukisno et al., 2024). Keibubapaan dalam era media baharu memerlukan usaha yang berterusan dan adaptif seiring dengan kepantasan evolusi teknologi tersebut.

Dalam konteks masyarakat Muslim, asas pengasuhan kekeluargaan mestilah berakar daripada nilai-nilai kerohanian dan pasakan tauhid yang teguh (Sukisno et al., 2024). Bagi mencapai matlamat pembentukan generasi yang berdaya tahan digital (*digital resilience*) serta berakhlak mulia, kerangka pemikiran sarjana Islam terkemuka seperti Imam Al-Ghazali menawarkan landasan psikospiritual yang amat holistik (Kana Safrina et al., 2020; Nudin, 2020). Menurut Al-Ghazali, jiwa kanak-kanak berada dalam keadaan bersih ibarat permata yang bersedia menerima sebarang bentuk dan corak yang ditiupkan oleh persekitarannya (Al-Ghazali, 2005; Kana Safrina et al., 2020). Sehubungan itu, reorientasi keibubapaan Muslim berasaskan gabungan ilmu ketuhanan (*Hablum minallah*) dan hubungan sesama manusia (*Hablum minannas*) menjadi satu keperluan mendesak dalam

memandu anak-anak mengendalikan peluang serta ancaman di alam maya (Nudin, 2020; Thorik Aziz, 2024).

1.1. Permasalahan Kajian

Meskipun media baharu memberikan pelbagai kebaikan dari aspek kognitif dan ketersediaan ilmu, pendedahan tanpa sempadan terbukti mendedahkan anak-anak kepada pelbagai risiko alam maya yang membimbangkan. Literatur keselamatan digital membahagikan ancaman ini kepada tiga dimensi utama, iaitu risiko kandungan seperti pendedahan bahan berunsur keganasan dan pornografi (Dullabib et al., 2018); risiko kenalan menerusi ancaman pemangsa dalam talian (Annette Van et al., 2012; Thorn, 2021); serta risiko kelakuan seperti pembulian siber dan penyebaran fitnah di platform sosial (Anderson et al., 2017). Tanpa kawalan dan bimbingan moral yang sewajarnya, kecenderungan anak-anak untuk terlibat dalam gejala negatif dan kerosakan moral adalah sangat tinggi (Abdul, 2016).

Isu ini menjadi semakin rumit berikutan wujudnya jurang generasi digital yang ketara antara ibu bapa dan anak-anak. Kebanyakan ibu bapa kurang berpengetahuan, terhadap pengalaman, serta berkeyakinan rendah mengenai selok-belok teknologi berbanding anak-anak mereka yang tergolong sebagai *digital native* (Reich et al., 2012). Ketidakseimbangan ini menyebabkan ibu bapa sukar memahami bahaya tersembunyi di alam maya, lalu cenderung mengamalkan corak keibubapaan yang kurang berkesan—sama ada terlalu berkeras (*authoritarian*) sehingga mencetuskan penentangan, atau terlalu berlepas tangan (*permisif*) tanpa sebarang kawalan (Baumrind, 1967).

Tambahan pula, majoriti kajian keibubapaan sedia ada masih terikat dengan model Barat yang mengabaikan dimensi spiritual Islam, manakala pendekatan berasaskan tradisi Islam seperti Atribut Al-Ghazali belum dikaji secara khusus untuk mendepani cabaran disrupsi media baharu dekad ini. Kelompangan ini menyebabkan timbulnya jurang ilmu dari segi pengintegrasian praktikal nilai *Tazkiyatun Nafs* (penyucian jiwa ibu bapa), *Muraqabah* (kesedaran pengawasan Allah), dan *Rahmah* (kasih sayang) dalam pengasuhan digital. Justeru, kajian ini dijalankan untuk merestrukturisasi elemen keibubapaan Muslim berasaskan pemikiran Al-Ghazali bagi membina ketahanan sendiri anak-anak era digital.

1.2. Objektif Kajian

Objektif utama kajian ini adalah untuk meneroka dan mengintegrasikan elemen Atribut Keibubapaan Al-Ghazali (hubungan dengan Allah, hubungan dengan anak, dan hubungan dengan masyarakat) sebagai kerangka keibubapaan Muslim dalam membimbing anak-anak mendepani cabaran serta risiko media baharu

2. Sorotan Literatur

Integrasi teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam ekosistem pendidikan dan kehidupan harian telah mengubah corak pembelajaran serta komunikasi (Robiah & Norsakinah, 2007). Walaupun internet menyediakan capaian ilmu tanpa had, ia turut terdedah kepada pelbagai kandungan berisiko tinggi (Sukisno et al., 2024). Penggunaan gajet tanpa kawalan sendiri dan bimbingan moral terbukti memacu ketagihan serta kerosakan tingkah laku (Danil & Suzyani, 2021; Sukisno et al., 2024). Dalam literatur keselamatan digital, risiko ancaman alam maya terhadap kanak-kanak dibagikan kepada tiga kategori utama:

a) Risiko Kandungan

Pendedahan secara tidak sengaja atau sengaja kepada bahan berunsur keganasan ekstrem, pornografi, dan fahaman menyeleweng. Kajian mendapati kandungan ganas meningkatkan kecenderungan agresif (Azizi, Gooch & Halimah, 2014; Orestes, 2002), manakala dapatan menunjukkan anggaran 12% daripada laman web di internet berunsur lucah (Dullabib et al., 2018), yang menjadi punca utama kerosakan moral, kes perzinaan, dan jenayah remaja (Abdul, 2016).

b) Risiko Kenalan

Interaksi dalam talian dengan individu tidak dikenali atau pemangsa dewasa (*online predators*). Laporan kajian mendapati anggaran 17% hingga 30% remaja pernah bertemu secara bersemuka dengan rakan maya tanpa pengetahuan ibu bapa (Annette Van et al., 2012; Livingstone et al., 2011), di mana pemangsa selalunya menggunakan taktik memindahkan perbualan dari ruang awam ke platform mesej peribadi (Thorn, 2021).

c) Risiko Kelakuan:

Penglibatan aktif anak-anak dalam tindakan berisiko atau salah di sisi undang-undang dan etika, seperti pembulian siber (*cyberbullying*) (Anderson et al., 2017), pencabulan hak cipta, penipuan kewangan, serta penyebaran ujaran kebencian dan fitnah di media sosial (Ika Destiana et al., 2013).

2.2. Kemahiran Keibubapaan

Ibubapa haruslah bijak mempelajari dan memilih gaya asuhan yang sesuai dan seimbang demi perkembangan positif anak-anak. Ini kerana, proses perkembangan anak-anak saling berkait rapat dalam corak keibubapaan itu sendiri. Memandangkan keluarga dengan pelbagai interaksi di dalamnya adalah tempat pembelajaran utama kanak-kanak, maka ibubapa mempunyai pengaruh yang besar terhadap perkembangan kanak-kanak (Santrock, 2007). Pakar-pakar perkembangan kanak-kanak dan remaja mendapati bahawa masalah tingkah laku yang sering timbul pada anak-anak adalah berpunca daripada gaya keibubapaan yang kurang berkesan. Ibubapa cenderung untuk menerapkan gaya keibubapaan yang boleh menimbulkan masalah dalam keluarga. Sebilangan dari mereka menunjukkan sikap tidak jelas ketika mendidik, tidak konsisten dalam penyampaian kepada anak-anak, kurang mampu membina komunikasi positif, menghasilkan banyak tindak balas reaktif dan emosi, menuntut tetapi hanya sedikit yang memberi contoh bahkan tanpa di sengaja sering menunjukkan contoh tingkah laku tidak baik di hadapan anak. Oleh itu, ibubapa perlulah meneliti dan menilai semula amalan keibubapaan masing-masing.

2.3. Model Keibubapaan Baumrind (1967)

Umumnya, terdapat pelbagai cara keibubapaan yang diamalkan oleh ibubapa dalam membesarkan anak-anak. Gaya keibubapaan ini juga akan mempengaruhi perkembangan, corak tingkahlaku serta perhubungan interpersonal anak-anak di alam remaja dan juga dewasa kelak. Baumrind (1967) telah mengelaskan gaya keibubapaan kepada tiga jenis iaitu autoritatif, autoritarian dan permisif. Ibubapa yang mengamalkan gaya keibubapaan autoritatif dikaitkan dengan menyediakan pengukuhan dan galakan

kepada anak-anak. Di samping itu, teguran dan denda yang sepatutnya turut diberikan kepada anak bagi mengawal disiplin mereka. Ibubapa jenis ini sangat mementingkan perbincangan terbuka terutamanya berkaitan masalah dan juga disiplin anak-anak. Berbeza pula dengan ibubapa yang mengamalkan gaya keibubapaan authoritarian. Kelompok ibubapa ini cenderung untuk mempunyai permintaan yang tinggi tetapi memiliki tanggungjawab yang rendah. Hasilnya, anak-anak akan mudah berfikir negatif, sering memberontak, pendendam, bimbang, cemas, khuatir, pendiam, pemalu, mempunyai konsep sendiri yang rendah dan kurang motivasi untuk berdikari. Sebaliknya, gaya keibubapaan permisif pula adalah merujuk kepada ibubapa yang mempunyai rasantanggungjawab yang tinggi namun mempunyai permintaan yang rendah. Ibubapa jenis ini juga bersikap terlalu lembut (lenient) sehingga tidak wujud tekanan, kawalan atau peraturan terhadap anak-anak mereka.

Oleh itu, ilmu gaya keibubapaan yang bersesuaian dan seimbang perlu dipelajari, dipraktikkan dan diperkukuhkan oleh ibubapa bagi memainkan peranan dan tanggungjawab mereka dalam membesarkan anak-anak remaja pada masa kini. Walaupun gaya keibubapaan autoritatif dilaporkan sebagai gaya keibubapaan yang efektif dalam membesarkan dan mendidik anak-anak, pendekatan gabungan dan kebersamaan ibu dan bapa perlu dipertimbangkan berdasarkan situasi dan karektor seseorang anak serta keperluan tahap pembesaran mereka (Kuppens & Ceulemans, 2019).

2.4. Model Kemahiran Keibubapaan Atribut Al-Ghazali

Kemahiran keibubapaan asas keberkesanan pendidikan dan pembentukan potensi modal insan dalam keluarga. Pendidikan awal kanak-kanak yang bermula di rumah umpama pahatan pada batu yang bersifat lebih kekal dan berkesan. Perkara ini diperkukuhkan lagi dengan sifat dan keperibadian melalui bimbingan yang berterusan pada peringkat usia remaja dan dewasa oleh ibu bapa. Imam Al-Ghazali merupakan sarjana Islam yang turut mengkaji tentang aspek kemahiran keibubapaan. Karya-karya tersohor beliau melangkaui pelbagai bidang seperti psikologi, pendidikan, spiritual dan falsafah. Rentetan itu, Model Kemahiran Keibubapaan Atribut Al-Ghazali telah dibangunkan sebagai asas untuk memahami kemahiran keibubapaan daripada perspektif Imam Al-Ghazali. Model ini mengandungi empat domain utama iaitu hubungan ibu bapa dengan Allah, hubungan ibu bapa dengan anak dan hubungan ibu bapa dengan yang lain-lain. Setiap domain saling berhubung antara satu sama lain dalam memperkasa dan menyempurnakan tugas keibubapaan yang kian mencabar.

Kemajuan teknologi yang pesat telah mewujudkan ketidakseimbangan dalam kehidupan, terutamanya apabila manusia terlalu bergantung kepada dunia digital sehingga mengabaikan pembinaan jiwa dan hubungan dengan Tuhan. Menurut pandangan Al-Ghazali, kebahagiaan hakiki hanya terbina apabila hati disucikan daripada kelalaian, nafsu dikawal dan hubungan dengan Allah diperkukuhkan. Konsep tazkiyat al-nafs, muhasabah, dan pencarian makrifatullah yang dibawa oleh Al-Ghazali juga menjelaskan bahawa ketenangan jiwa tidak dapat digantikan oleh teknologi atau pencapaian dunia (Nudin, 2020).

Dapat disimpulkan bahawa konsep dan pandangan Al-Ghazali sangatlah relevan dan praktikal dalam era digital kini. Ianya dapat memberi panduan bagaimana manusia boleh mengimbangi penggunaan teknologi dengan keperluan spiritual, seterusnya membawa kepada kehidupan yang lebih bermakna, stabil dan membahagiakan (Nudin, 2020).

Justeru, kemahiran keibubapaan yang berasaskan pandangan Alghazali perlu dikuasai oleh segenap lapisan masyarakat khususnya para ibu bapa dalam kerangka pembentukan generasi yang dirahmati.

3. Metod Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif menerusi pendekatan analisis kandungan (*content analysis*) terhadap literatur akademik. Pemilihan artikel dilaksanakan secara sistematis berasaskan pangkalan data terkemuka seperti Scopus dan Google Scholar merangkumi tempoh penerbitan dari tahun 2019 hingga 2025. Kata kunci carian merangkumi '*pendidikan keibubapaan Al-Ghazali*', '*keibubapaan Islam*', '*digital parenting*', dan '*media baharu*'.

Sebanyak 18 artikel yang memenuhi kriteria inklusi (artikel jurnal berwasit, berasaskan kajian ilmiah, dan relevan dengan objektif) telah dipilih. Proses analisis kandungan dijalankan menerusi pemetaan tema berasaskan tiga domain Atribut Al-Ghazali. Bagi memastikan keabsahan dan kebolehpercayaan (*validity and reliability*), dapatan tema telah disemak dan disahkan oleh dua orang pakar penilai dalam bidang kaunseling serta keibubapaan Islam

4. Hasil Kajian

Daripada 18 artikel akademik yang dianalisis (4 artikel terindeks Scopus dan 14 artikel Google Scholar), penemuan membuktikan bahawa ketiga-tiga domain Atribut Al-Ghazali berupaya diintegrasikan secara mantap dalam menangani isu media baharu. Ringkasan pemetaan literatur ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Ringkasan pemetaan literatur

Elemen	Penulis/ tahun	Perkaitan dengan pandangan Al-Ghazali
Hubungan dengan Allah	Siti Zazak, 2022; Rifqi Muhammad et al, 2022; Esi Hairani, 2022; Sukisno et al. 2024, Thorik Aziz, 2024; Hani Sholihah & Sri Nurhayati, 2023; Abdul Karim et al., 2020; Siti Hajar Mansor et al., 2020; Mohd Harifadilah et al., 2022; Kamal, 2024; Nudin, 2020.	Penyucian jiwa (Tazkiyah), penanaman tauhid, kesedaran Muraqabah, dan pemantapan ibadah.
Perhubungan dengan anak	Siti Zazak, 2022; Fitria, 2019; Sukisno et al. 2024; Kana Safrina et al, 2020; Thorik Aziz 2024; Hani Sholihah & Sri Nurhayati, 2023; Rubiatin et al., 2023; Nadia Qurrota & Zakiyah, 2022; Gina Amalia et al., 2022; Hasri & Hasliza, 2021.	Asuhan berasaskan <i>Rahmah</i> (kasih sayang), kepimpinan melalui teladan (<i>Quwah</i>), dialog terbuka, dan pemantauan sendiri
Hubungan dengan orang lain	Esi Hairani, 2022; Nudin, 2020.	Pembentukan akhlak sosial, etika komunikasi maya, penanaman rasa tanggungjawab, dan adab

4.1. Domain 1: Hubungan Ibu Bapa dengan Allah (Hablum minallah)

Penguatan aspek tauhid dan spiritual merupakan teras utama benteng pertahanan anak-anak daripada ancaman media baharu (Sukisno et al., 2024). Berasaskan pemikiran Al-Ghazali, ilmu mengenai hakikat diri sebagai hamba Allah SWT, kefahaman ketuhanan, serta kesedaran terhadap kehidupan akhirat perlu diterap secara konsisten (Noor Shamsarini et al., 2022; Kamal, 2024). Dalam era disrupsi digital di mana ramai individu terjebak dalam gaya hidup kepalsuan media sosial dan perbandingan sosial yang mencetuskan depresi, asas spiritual mengembalikan jati diri hakiki manusia (Kamal, 2024).

Amalan ibadah harian seperti solat berjemaah, bacaan Al-Quran, dan berpuasa terbukti secara empirikal mampu menghindarkan anak-anak daripada pendedahan bahan pornografi dan tingkah laku tidak beradab (Siti Zazak, 2022; Rifqi Muhammad et al., 2022; Abdul Karim et al., 2020). Sifat tauhid, sabar, jujur, dan amanah yang dibentuk melalui kesedaran bahawa Allah SWT Maha Melihat (*muraqabah*) membolehkan anak-anak melakukan penapisan sendiri (*self-filtering*) sewaktu menggunakan media tanpa kehadiran fizikal ibu bapa (Esi Hairani, 2022; Sukisno et al., 2024).

4.2. Domain 2: Hubungan Ibu Bapa dengan Anak-anak

Dalam membesarkan anak-anak era digital, ibu bapa tidak boleh sekadar menjadi pemberi arahan, sebaliknya wajib menjadi peraga teladan (*role model*) yang berkesan (Kana Safrina et al., 2020; Nadia Qurrota & Zakiah, 2022). Pengurusan penggunaan teknologi oleh ibu bapa sendiri merupakan langkah pertama sebelum mendisiplinkan anak-anak (Siti Zazak, 2022). Gangguan terhadap perkembangan kognitif, emosi, dan fizikal kanak-kanak akibat gajet berpunca daripada ketiadaan kawalan dan bimbingan yang bersifat mesra serta bertolak tepi (Fitria, 2019; Thorik Aziz, 2024).

Al-Ghazali menekankan bahawa hubungan berasaskan *rahmah* (kasih sayang) dan penghargaan melembutkan hati anak-anak (Rubiatin et al., 2023). Pendekatan seperti melibatkan anak-anak dalam perbincangan, melakukan bimbingan digital secara berhikmah, serta mengekalkan komunikasi dua arah membina kepercayaan yang mendalam (Sukisno et al., 2024). Ini mengelakkan anak-anak daripada menyembunyikan aktiviti dalam talian mereka dan membolehkan bimbingan etika diberikan secara berterusan (Kana Safrina et al., 2020).

4.3. Domain 3: Hubungan Ibu Bapa dengan Orang Lain dan Persekitaran

Atribut ketiga memfokuskan kepada pembentukan sahsiah anak-anak sebagai ahli masyarakat yang bertanggungjawab (Muhammad Azrin et al., 2019). Pendidikan keibubapaan Muslim menekankan etika berinteraksi di media sosial, menghormati privasi orang lain, menjauhi fitnah, serta mengelak daripada pembulian siber (Esi Hairani, 2022). Nilai-nilai murni seperti kesabaran, bertoleransi, berdisiplin, dan berintegriti di alam maya dijadikan perisai bagi membendung ketaksuban dan tingkah laku destruktif (Nudin, 2020). Kerjasama rapat antara ibu bapa, pihak sekolah, dan komuniti turut memperkukuh ekosistem sokongan anak-anak (Hani Sholihah & Sri Nurhayati, 2023).

5. Kesimpulan

Pendidikan keibubapaan Muslim dalam era digital memerlukan penyatuan harmonis antara kemajuan teknologi dan nilai rohani yang berakar daripada tradisi keilmuan Islam. Model Atribut Keibubapaan Al-Ghazali membuktikan keberkesanan dan relevansinya sebagai panduan holistik. Melalui penyucian jiwa ibu bapa, penanaman sifat muraqabah, serta asuhan berasaskan kasih sayang, anak-anak dapat dibentuk menjadi generasi digital yang berdaya tahan, berintegriti, dan berakhlak mulia.

Sebagai cadangan kajian berasaskan limitasi sedia ada, penyelidik akan datang disyorkan untuk mentransformasikan kerangka teori Atribut Keibubapaan Al-Ghazali ini kepada bentuk Modul Latihan Praktikal Keibubapaan Digital Muslim. Modul ini berasimilasi dengan instrumen penafsiran kaunseling keluarga untuk digunakan oleh institusi kekeluargaan, masjid, dan pusat kaunseling di seluruh negara.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Tidak berkenaan.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) atas dana geran yang diberikan, dan juga kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam kajian ini.

Kewangan (*Funding*)

Kajian ini dibiayai oleh Universiti Sains Islam Malaysia di bawah Geran Penyelidikan USIM dengan kod rujukan PPPI/USIM/FKP/USIM/112023.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Penulis mengesahkan bahawa tiada konflik kepentingan yang berkaitan dengan penerbitan artikel ini.

Rujukan

- Abdul Karim Batubara, Lubis, S., & Kholil, S. (2020). Parents' Communication Strategies in Building Internet Media Literacy for Youth in Muslim Family in Tanjung Mulia Medan Deli. *Britain International of Humanities and Social Sciences (BloHS) Journal*, 2(1), 45-54.
- Abdul, M. (2016). Pengaruh Media Massa Terhadap Akhlak Pelajar. *International Conference On Education, Islamic Studies and Social Sciences Research* At: Unsyiah, Banda Aceh Indonesia.
- Al-Ghazali. (2005). *Ihya' Ulumuddin (Vol. 3, Kitab Riyadhah al-Nafs)*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Anderson, E., Steen, E & Stavropoulos, V. (2017). Internet use and Problematic Internet Use: A systematic review of longitudinal research trends in adolescence and emergent adulthood, *International Journal of Adolescence and Youth*, 22(4), 430-454.

- Annette, V.H., Regina, J.J.M., Eijnden, A. J., Rooij, D. (2012). Meeting online contacts in real life among adolescents: The predictive role of psychosocial wellbeing and internet-specific parenting. *Computers in Human Behavior*, 28(2), 465-472.
- Azizi,Y., Gooh, M.L & Halimah, M. (2014). Pengaruh media berunsur agresif dan kesannya terhadap tingkah laku pelajar di sekolah menengah. *National Action Research Conference 2014, Official Conference Proceeding*, Melaka, 25-26 Jun 2014.
- Baumrind D. (1967). Child care practices anteceding three patterns of preschool behavior. *Genet Psychol Monogr*, 75, 43–88.
- D’Haenens, L., Vandoninck, C., and Danoso, V. (2013). *How to cope and build online resilience?* <http://www.lse.ac.uk/media@lse/research/EUKidsOnline>. Diakses Pada 30 Julai 2025.
- Danil, J., & Mohamed, S. (2021). Perubahan Tingkah Laku Kanak-kanak Disebabkan Penggunaan Gajet. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(2), 200-209.
- Dullabib, A.N.F., Mangundjaya, S.H., & Artalina, N.P.A.D. (2018). *Pola perilaku adiksi pada remaja laki-laki. Laporan Penelitian*. Surabaya: Fakultas Psikologi Universitas Airlangga.
- Esi Hairani. (2022). Relevansi Konsep Pemikiran Al-Ghozali Dalam Pendidikan Moral Anak di Era Digital. *Edukasi Islami: Jurnal Pendidikan Islam*, 11(3), 1-12.
- Fitria Fauziah Hasanah. (2019). Sharenting In The Perspective Of Islamic Education. *International Journal on Islamic Educational Research (SKIJIER)*, 3(2), 42-50.
- Gina Amalia, Maulida & Wirdatul Ulfah. (2022). Analisis Pendidikan Karakter Sosial Anak Usia Sd Di Era Society 5.0 Menurut Imam Al-Ghazali *Al-FURQAN*, 1(3), 1-20.
- Hani Sholihah & Sri Nurhayati. (2023). Child Protection in the Digital Age Through Education in the Islamic Educational Environment. *Journal of Islamic Education*, 9(1), 201-218
- Hasri Harun & Hasliza Mohamad Ali. (2021). Peranan Bapa Dalam Pembentukan Keluarga Sejahtera: Analisa Isu-Isu Dan Cabaran Di Era Digital. *Online Journal of Research in Islamic Studies*, 8(2), 57-66
- Hasri Harun & Hasliza Mohamad Ali. (2021). Peranan Bapa Dalam Pembentukan Keluarga Sejahtera: Analisa Isu-Isu Dan Cabaran Di Era Digital. *Online Journal of Research in Islamic Studies*, 8(2), 57-66
- Kamal, M. R. (2024). Perjalanan Menuju Kebahagiaan: Perspektif Al-Ghazali di Era Disrupsi Digital. *Reslaj: Religion Education Social Laa Roiba Journal*, 6(4), 2447-2454.
- Kabakçı Yurdakul, İ., Dönmez, O., Yaman, F. & Odabaşı, H. F. (2013). Digital Parenting and Changing Roles . *Gaziantep University Journal of Social Sciences*, 12(4), 883-89. Retrieved from <https://dergipark.org.tr/en/pub/jss/issue/24231/256855>
- Kalil, A. (2003). *Family resilience and good child outcomes*. Wellington: Ministry of Social Development.
- Kana Safrina Rouzi, Nikmah Afifah, Ciptro Hendrianto & Desmita. (2020). Establishing an Islamic Learning Habituation Through the Prophets’ Parenting Styles in the New Normal Era. *International Journal of Islamic Educational Psychology*, 1(2), 101-111.
- Livingstone, S., Haddon, L., Görzig, A., and Ólafsson (2011). *Risks and safety on the internet: the perspective of European children: full findings and policy implications from the EU Kids Online survey of 9-16 year olds and their parents in 25 countries*. EU Kids Online, Deliverable D4. EU Kids Online Network, London, UK
- Mohd Harifadilah Rosidi, Ahmad Wifaq Mokhtar & Mohd Nasir Abdul Majid (2022). Penggunaan Media Dalam Talian Menurut Perspektif Maqāṣid Al-Shari’Ah: The Use of Online Media in The Perspective of Maqāṣid Al-Shari’ah. *Journal of Fatwa Management and Research*, 27(3), 78-105.

- Muhammad Azrin, Muhammad Fiqri; Moorthy, Vishnukumar Krishna; Jasmi, Kamarul Azmi (2019). "Media Sosial Dan Perhubungan Sesama Manusia Menurut Islam" in Jasmi, KamarulAzmi (Ed.), *Prosiding Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019* (SSTM'19) pada 15hb. Disember 2019 di DP3, N29, Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Tenaga, UTM. Program anjuranAkademi Tamadun Islam, FSSK, UTM, p. 49-60.
- Nadia Qurrota Ayunina & Zakiyah Zakiyah. (2022). Islamic Parenting Sebagai Upaya Mendidik Karakter Islami Generasi Alpha *Jurnal Studi Islam*, 3(1), 48-57.
- Nudin, B. (2020). Islamic Education in Early Childhood: Cooperation between Parents and School To Build Character in Disruption Era. *Millah: Journal of Religious Studies*, 20(1), 1-32.
- Orestes, P. M. 2002. *Song to avoid after the tragedy*. London: Sage Publication.
- Przybylski, A.K., Mishkin, A., Sholtbolt, V., & Linington, S. (2014). *Building children's online rsilience*. An independent research paper.
- Rifqi Muhammad, Manja, Patriana & Yusrain. (2022). Al-Ghazali Adab Curriculum as a Life Guide for The Alpha Generation *.Dialogia*, 20(1), 131-149.
- Reich, S. M., Subrahmanyam, K., & Espinoza, G. (2012). Friending, IMing, and hanging out face-to-face: Overlap in adolescents' online and offline social networks. *Developmental Psychology*, 48(2), 356-368. <https://doi.org/10.1037/a0026980>
- Rubiatin, Nur Rochim Maksum & Hafidz. (2023), The Role of Parents in Children's Development in The Digital Era. *International Summit on Science Technology and Humanity*, 1517-1522.
- Robiah Sidin & Nor Sakinah Mohamad. (2007). ICT dalam Pendidikan: Prospek dan Cabaran dalam Pembaharuan Pedagogi. *Jurnal Pendidikan*, 32(2), 139-152
- Santrock, J.W. (2007). *Perkembangan anak* (terjemahan). Edisi Kesebelas, Jilid 2. Jakarta: Penerbit Erlangga.
- Thorn. (2021). *Self-Generated Child Sexual Abuse Material: Youth Attitudes and Experiences in 2020*. Available at: https://info.thorn.org/hubfs/Research/SGCSAM_Attitudes&Experiences_YouthMonitoring_FullReport_2021.pdf
- Wiwin, H. (2017). Menumbuhkan Online Resilience pada Anak di Era Teknologi Digital. *Prosiding Temu Ilmiah X Ikatan Psikologi Perkembangan Indonesia, Peran Psikologi Perkembangan dalam Penumbuhan Humanitas pada Era Digital*, 22-24 Ogos 2017.
- Siti Atiyah Ali, Samhani Ismail, Nurfaizatul Aisyah & Abdul Rahman Omar. (2019). Psikologi Pembangunan Kanak-Kanak: Perkaitan Antara Psikologi Pendidikan Barat dan Psikologi Pendidikan Islam. *Journal of Islamic Educational Research*, 4(1), 14-23.
- Siti Zazak Soraya. (2022). Digital Parenting; Strengthening Religious Concept Nafs ,in the Prevention of Child Pornography Nadwa: *Jurnal Pendidikan Islam*, 16(1), 172-187.
- Siti Hajar Mansor, Azlina Narawi & Kawthar Bayoumi. (2020). The Ethics Of Social Media Technology From The Islamic Perspective , *Etika Islam*, 120-132
- Shafizan Mohamed, Saodah Wok, Wan Norshira Wan Mohd Ghazali, Shakira Nasir. (2022). Factors Influencing the Digital Parenting Styles of Malaysian Parents. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled*, 17(12), 24-31
- Sufiahana Mahzan & Faridah Mydin Kutty. (2025). Pendekatan Aktiviti Main Peranan Meningkatkan Kemahiran Regulasi Emosi Kanak-Kanak *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 10(2), p. e003289
- Sukisno, Waston, Andri Nirwana, Mahmudul Hassan & Muthoifin. (2024). Parenting problems in the digital age and theirsolution development in the frame of value education. *Multidiciplinary Review*, 7(8), 1-8.
- Thorik Aziz. (2024). Internalization of Islamic Values in Children within Families in the Digital Era. *Journal of Child Research*, 1(1), 37-46.